

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 44

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kutipan Tabung Harapan terkini dan sejauh mana ia telah membantu kewangan Kerajaan dalam menurunkan hutang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui siaran media Kementerian Kewangan bertarikh 7 Februari 2019 telah memaklumkan bahawa baki akhir setakat 14 Januari 2019 iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam Tabung Harapan Malaysia (THM) adalah sebanyak RM202,716,775.10.

Siaran media tersebut juga turut memaklumkan bahawa Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan memutuskan penggunaan wang THM ini mengikut tatacara yang termaktub di dalam arahan amanahnya iaitu akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, akaun amanah tersebut kini di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara iaitu selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti. Sebarang penggunaan dana THM hanya dapat dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan THM selepas pengauditan selesai dilaksanakan.

Walaupun THM tidak mungkin boleh melangsaikan semua hutang Kerajaan Persekutuan, THM akan kekal menjadi simbol semangat taat setia dan patriotisme rakyat Malaysia untuk melangsaikan hutang negara.